

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 48 RABU 6HB. DISEMBER, 1972. 1392 رابو 29 شوال PERCHUMA



TARAF IDENTITI BANGSA TIDAK AKAN TERCHAPAI TANPA MENGENAL SIFAT2-NYA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail menekankan bahawa hanya mereka yang mahu memahami terhadap identiti Brunei saja yang akan dapat menimbulkan perasaan cinta dan sayang kepada bangsa, negara dan Raja yang berdaulat yang di-turun-temurunkan di-negeri ini.

Usaha pada mempertahankan dan meninggikan taraf identiti sesuatu bangsa itu, sabda beliau, tidak akan tercapai tanpa mengenal sifadalam2-nya terhadap sifat2 sa-suatu identiti itu.

Sabda itu telah di-lapadzkan beliau ketika merasmikan pembukaan Majlis Perbincangan Pemimpin2 Belia kali ke-2 anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berlangsung di-Pusat Belia pada hari Jumaat lepas.

Bersabda kepada pemimpin2 belia itu, Yang Amat Mulia itu menekankan lagi bahawa dalam menghadapi keadaan masyarakat, kita harus sama2 bertanggung-jawab untuk mengasoh, memelihara dan mempertahankan identiti kita yang di-turun-temurunkan sa-bagai identiti Brunei yang sabenarnya.

Yang Amat Mulia itu telah membayangkan kedudukan masyarakat kita dalam keadaan-nya yang di-lingkungi oleh masyarakat2 lain dengan melalui alat2 perhubungan moden.

Beliau juga menyatakan kurang yakin-nya terhadap hujah2, usaha2 atau janji2 yang bertujuan untuk mengukuhkan mempertahankan atau mendirikan identiti sa-sabua negara itu, tanpa identiti itu benar2 di-kenali, di-ketahui dan di-mutalaah dari satu masa ka-satu masa.

"Hanya mereka yang sa-chara tulus ikhlas, faham
(Lihat muka 8)

Terima kaseh dari Paduka Seri Begawan

YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid pada menjunjung, sabda, pada mewakili Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin mengucapkan Alhamdulillah serta banyak menerima kaseh diatas kesudian laila sumbangan yang di-berikan

oleh badan2 termasuk Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Menteri2 pada mendermakan bagi memberikan perbelanjaan untuk persediaan jamuan kepada pendudok2, pemuda pemudi, bahagian agama, daerah2 serta anak2 kampung pendalaman di-seluruh negeri, dalam Istiadat Perkahwinan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah yang berjenis2 chara permainan di-sepanjangan yang istiadat berjaga2.



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat melawat kampung2 pendalaman di-Daerah Temburong pada hari Rabu lepas.

Dalam lawatan tersebut, baginda telah di-iringi oleh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Y.A.M. Pengiran Sanggamara Diraja, Pengiran Anak Chuchu, Pemerintah AMDB, Colonel Dato B.F.L. Rooney dan Major Mohammad bin Haji Daud.

Duli Yang Maha Mulia yang berangkat dengan menaiki pesawat helikopter dari Bandar Seri Begawan, mula2 sekali telah melawat Kampung Biang Menengah dimana baginda dan rombongan disambut oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Sidek bin Yahya, OCPD, Awang B.M.G. Carvalho, Pegawai Pemerintah Pasokan AMDB yang di-tempatkan di-Temburong, Pengiran Dato Setia Ibnu dan Tuai Rumah, Awang Uda anak Anggit.

Dari sana baginda berjalan kaki ka-Kuala Biang dan kemudian-nya Duli Yang Maha Mulia menaiki sa-buah Land Rover menuju ka-Mukim Amo.

Dari Amo baginda dan rombongan berangkat dengan pesawat helikopter ka-Semabat dan dari sana baginda menaiki Land Rover sekali lagi untuk berangkat ka-Kampung Bokok.

Di-sepanjang lawatan baginda ka-kampung2 itu, baginda telah disambut dengan meriah-nya oleh pendudok2 kampung dan di-raikan dengan berbagai persembahan termasuk permainan gasing.

Gambar atas menunjukkan Baginda dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir bersedia untuk mencheba membaling gasing.

SHARIKAT Minyak Shell Brunei Berhad telah menderma sa-banyak \$50,000 kepada Tabong Pembinaan Stadium. Derma tersebut telah di-sampaikan oleh wakil Sharikat itu di-Bandar Seri Begawan, Y.B. Pehin Dato Derma Setia, Dato Setia P.A. Coates kepada Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa selaku Pengerusi J.K. Tertinggi Derma Pembinaan Stadium pada hari Sabtu lepas (gambar kiri.) Berita lanjut di-siarkan di-muka 8.


MAJLIS Perbincangan Belia2 telah diadakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat 1hb. Disember yang lalu.

Majlis kali kedua yang di-anjarkan oleh Jabatan Kebajikan itu telah di-hadiri oleh perwakilan dari 56 buah persatuan belia dan kebajikan di-seluruh negeri.

Majlis tersebut telah di-rasmikan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Gambar kanan menunjukkan Inspektur Pengiran Hamzah bin Pengiran Haji Ismail (kiri) bagi pehak Timbalan Pesuruhjaya Polis ketika menyampaikan cheramah mengenai keselamatan/bahaya ganja dan madat terhadap belia dan masyarakat. Di-tengah2 ia-lah Awang Abdul Saman Kahar dan sebelah kanan ia-lah Pengiran Tuah, Pengawas Persatuan2 Belia.

Manakala gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari peserta yang hadir dalam majlis tersebut.



KEPUTUSAN PERADUAN BAHATH SEKOLAH2 PERENGKAT AKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Melayu Pusu Ulak telah munchol sa-bagai johan dalam peraduan bahath perengkat akhir sekolah2 rendah Melayu bahagian lelaki yang telah di-adakan di-Pusat Belia pada hari Khamis yang lalu. Naib-johan jatuh kepada Sekolah Melayu Kupang.

Dalam bahagian perempuan, Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria telah berjaya menjadi johan dan pemenang kedua ia-lah Sekolah Melayu Junjongan.

Sementara dalam bahagian sekolah2 menengah lelaki, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah munchol sa-bagai johan dan pemenang kedua ia-lah Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Dalam bahagian perempuan pula di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu SMJA Bukit dan tempat kedua ia-lah Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam, Seria.

Awang Damit bin Mohd. Zain dari Sekolah Melayu Pusu Ulak dan Dayang Safiah binte Mohammad Salleh dari Sekolah Melayu Junjongan masing2 telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik dalam bahagian sekolah2 rendah.

Peserta terbaik bagi lelaki Sekolah2 Menengah Melayu di-menangi oleh Awang Ebil bin Ahmad dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Dayang Sundiah binte Saidi dari Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam, Seria di-pilih sa-bagai peserta terbaik dalam bahagian perempuan.

Peraduan tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Kesenian ia-itu salah satu projek tahunan jabatan itu.

Peraduan akhir itu telah di-rasmikan oleh Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abd. Razak bin Mohammad sementara isteri beliau telah menyampaikan hadiah2.

58 orang penuntut menerima hadiah dari B. S. P.

KUALA BELAIT. — Shariat Minyak Shell Brunei Berhad akan menyampaikan hadiah2 pensil dan fountain pen kepada sa-ramai 58 orang penuntut termasuk 30 orang perempuan dari 26 buah sekolah di-Daerah Belait.

Majlis penyampaian hadiah2 itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria pada hari ini mulai jam 8.30 pagi.

Bilangan penuntut2 yang akan menerima hadiah2 mereka ia-lah 30 orang dari 14 buah Sekolah Melayu, empat dari Maktab Anthony Abell, Seria, dua dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, dua dari Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait, sepuluh dari empat buah sekolah China dan 10 dari sekolah2 Misi di-Kuala Belait dan Seria.

14 ORANG GURU HADHIRI KURSUS BAHASA INGGERIS

SERIA. — Sa-ramai 14 orang guru dari sekolah2 rendah Melayu, Inggeris dan China sekarang menghadhiri kursus Bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria.

Guru2 tersebut, enam orang dari Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam, sa-orang lagi dari Sekolah Melayu Lumut, sa-orang dari S.M. Sungai Liang, sa-orang dari SM Rampayoh dan sa-orang dari S.M. Labi.

Dua orang guru dari Sekolah Persediaan Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, sa-

orang dari Sekolah Chung Ching, Seria dan lain-nya dari Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait.

Kursus tersebut telah di-rasmikan oleh Guru Besar, Sekolah Melayu Mohammad Alam, Che'gu Tuah bin Haji H'tam. Kursus tersebut di-kekelolakan oleh Awang M. Williamson dan di-bantu oleh empat orang guru bimbingan di-ketuai oleh Awang Abdullah bin Othman. Kursus tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran.

Kursus itu akan berakhir pada 14hb. Disember, 1972.

Kerja menyembor ubat DDT selesai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaki-tangan luar Projek Penghapusan Malaria telah selesai menjalankan kerja menyembor ubat DDT di-lima buah kampung di-Daerah Temburong.

Kampung2 yang di-lawati

oleh rombongan penyembor itu ia-lah Kampung Kastam Lama, Menengah dan Parit Bangar, Sungai Tanit, Sungai Tanam dan Sungai Tanam 'A'.

Kerja itu di-mulakan pada 22hb. Nobember yang lalu.

Kira2 326 liter ubat DDT telah di-gunakan untuk menyembor 114 buah rumah, pondok dan bangunan2 yang lain di-kampung2 tersebut.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

SEMBAHYANG ada-lah merupakan rukun Islam yang kedua yang di-kenal juga dengan tiang ugama, siapa yang menegakkan-nya berarti ia menegakkan ugama dan siap yang meruntuhkan-nya sama-lah artinya ia meruntuhkan ugama (musoh Ugama).

Mengerjakan sembahyang itu sama arti-nya mengadakan perhubungan dengan Allah Subhanahu-wataala zat yang maha kuasa dengan chara2 yang di-ator-nya sa-banyak lima kali pada sa-hari sa-malam. Dalam mengadakan perhubungan dengan zat yang maha kuasa itu kita di-kehendaki dengan keadaan tuboh, pakaian dan tempat sembahyang yang bersih di-samping memelihara kebersehan dan kesucian jiwa dan bathin kita.

Dalam kehidupan kita sa-hari2 kita merasakan betapa penting-nya mempunyai perhubungan yang baik dengan semua orang terutama orang2 tempat kita bekerja.

Sa-orang pelajar tidak akan gembira belajar kalau tidak baik perhubungan-nya dengan guru. Sa-orang pegawai rendah tidak akan merasa senang bekerja kalau tidak baik perhubungan-nya dengan pegawai yang di-atas-nya. Sa-orang peniaga lebeh baik menutop kedai-nya kalau tiada pandai membuat perhubungan dengan langgan-nya. Sebalik-nya

orang yang bagus perhubungan-nya dengan masyarakat atas dan bawah neschaya ia akan mudah berurusan dan mudah pula mendapat pertolongan jika ada perkara yang di-hajatkan.

Jika demikian perlu-nya mempunyai hubungan dengan sa-sama manusia, tentu-lah akan mudah kita fahami besar arti-nya mengadakan perhubungan dengan Tuhan yang menjadikan kita dan yang mengurniakan segala nikmat dan kesenangan kepada kita.

Ada pun buah dari amalan

SEMBAHYANG ADA-LAH PAGAR DARI SEGALA KEJAHATAN



KHUTBAH JUMA'AT

"Kalau terdapat kejahatan dan kemungkaran berarti sembahyang-nya bukan yang lurus, tetapi hanya sembahyang main2"

itu dan dirikan-lah sembahyang, kerana sembahyang itu ada-lah menegakkan perbuatan keji dan dosa sa-sungguh-nya mengingat Allah ia-lah suatu urusan yang amat besar, Allah mengetahui apa yang kamu buat."

Dalam ayat ini Allah menerangkan bahawa sembahyang itu ada-lah sa-bagai pagar kita dari sa-genap kejahatan dan kemungkaran, berarti orang yang benar2 sembahyang itu tidak akan tergamak melakukan kejahatan dan kemungkaran, kalau maseh terdapat juga melakukan kejahatan dan kemungkaran dari orang yang melakukan sembahyang itu berarti sembahyang-nya bukan sembahyang yang lurus dan tulen tetapi hanya sembahyang "main2", sembahyang yang ti-membuahkan kebaikan dan kesucian jiwa-nya.

Dalam zaman yang serba berlambangkan kemahuan ini di-mana sa-tiap orang berlumba2 menchari kesenangan hidup yang berupa kebendaan, maseh ramai orang2 Islam kita yang mengabaikan sembahyang yang merupakan salah satu jalan untok mendapat kesenangan yang sa-benar hidup di-dunia dan akhirat.

Kita ada-lah menaruh harapan dan berseru supaya tuan2 akan turut serta memberikan tunjok ajar atau nasehat2 yang baik kepada saudara2 kita yang maseh belum mau melakukan sembahyang. Mudah2an dengan demikian akan ramai-lah lagi saudara2 kita yang mengerjakan demi untok menegakkan ugama yang tiang-nya ia-lah sembahyang.

sembahyang itu ia-lah kekuatan jiwa dan kesucian bathin kerana mempunyai perhubungan dan ingatan yang tetap dengan zat yang amat sempurna lagi maha berkuasa itu. Sa-tiap hari kita menyembahkan pujian kepada-nya dan sa-tiap hari kita memohonkan keampunan serta pertunjak daripadanya, ini berarti sa-tiap hari dan malam mengasah budi, menyuci jiwa dan bathin dari noda dan dosa yang kita lakukan atau mungkin telah kita lakukan sa-hari2.

Bachan2 di-dalam sembahyang itu sendiri ada-lah terpelihara dari perkataan yang menyatakan kerendahan diri berhadapan dengan Allah, kechil-nya amalan ini di-hadapan Allah sa-hingga menimbulkan suatu perasaan pengakuan bahawa Allah itu sahaja-lah yang maha besar dan maha kuasa sedangkan yang lain2 itu kechil dan dhaib belaka. Dengan demikian akan timbul-lah perasaan waspada kepada diri sendiri supaya jangan sampai melakukan perkara2 yang menjadi kemurkaan Allah. Di-dalam surah Al-Angkabut, ayat 45, Allah telah berfirman yang bermaksud:

"Bacha-lah wahai Muhammad apa2 yang di-wajidkan kepada mu dari kitab

Penuntut2 pulang berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tiga orang penuntut Ugama Brunei yang menuntut di-Kolej Islam, Klang telah tiba di-Brunei pada ming-

gu lalu kerana berchuti di-tanah ayer.

Penuntut2 itu ia-lah Awangku Jabaruddin bin Pengiran Mohammad Salleh, Dayang Kasmah binte Siput dan Dayang Norhani binte Haji Baha.

Sa-ramai lapan orang lagi penuntut Ugama Brunei yang menuntut di-Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abiddin, Trengganu telah tiba di-Brunei pada hari Isnin kerana berchuti.

Sa-orang lagi penuntut Brunei yang belajar di-Universiti Al-Azhar Kaherah, Awang Amin bin Haji Abdul Rahim juga telah tiba di-Brunei pada hari itu.

Awang Amin telah menamatkan pengajian-nya di-Universiti Al-Azhar kaherah dengan mendapat ijazah M.A. dan mendapat Diploma pendidekan.

Bakal2 haji selamat tiba di-Jeddah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 47 orang bakal Haji Brunei yang telah berlepas meninggalkan tanah ayer dengan kapal laut Malaysia Raya pada 10hb. Nobember yang lalu telah selamat tiba di-Jeddah pada 27hb. Nobember lalu.

Sementara itu, sa-ramai 310 orang bakal Haji Brunei, termasuk 30 orang kanak2, akan bertolak dengan kapal terbang pada pertengahan bulan ini.

Rombongan tersebut akan disertai oleh tiga orang pegawai perubatan yang di-ketuai oleh Dr. Johar bin Nordin dan enam orang Pegawai Kebajikan Haji, ia-itu tiga orang yang di-pileh dari pegawai2 kerajaan, sementara tiga lagi terdiri dari Ahli2 Jawatankuasa Penasehat Haji Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang telah menarek diri dari menjadi Pegawai Kebajikan Haji dan tempat-nya digantikan oleh Pengiran Haji Abas bin Pengiran Aliuddin.

Pendaftaran ka-kelas2 dewasa

ADA-LAH di-maalomkan kepada semua orang2 dewasa yang ingin memasoki berbagai2 pelajaran di-kelas2 dewasa bagi tahun 1973 boleh-lah mendaftarkan nama2 mereka di-pusat Pelajaran Dewasa yang telah di-tetapkan mulai dari 4hb. hingga 18hb. Disember, 1972 pada jam 5.00 hingga 6.30 petang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6hb. Disember, 1972 hingga ka-hari Selasa 12hb. Disember, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
6hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
7hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
8hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
9hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
10hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
11hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	4-01	6-19
12hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	4-01	6-19

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

6hb. Disember, 1972.

BELIA2 DI-PELAWA SAMA2 MEMIKIRKAN MASAALAH NEGARA

KETIKA merasmikan Majlis Perbincangan Pemimpin2 Belia baru2 ini, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pg. Dipa Negara antara lain ada menyebutkan tentang tabiat yang lazim di-katakan sa-bagai "spoon feeding" ya'ni sifat2 yang beku yang tidak berani menghadapi apa jua fikiran yang terlintas pada akal atau tidak mempunyai keberanian pada menghadapi sa-barang pertanyaan yang constructive atau membena. Ini di-hubungkan beliau dengan cheramah2 yang di-sampaikan dalam majlis itu yang termasuk mengenai dengan Pentadbiran Negara dan hal-ehwal keselamatan.


Dari sabda beliau itu ada-lah chukup jelas betapa tidak di-kehendaki sikap yang beku itu dalam gelanggang akal fikiran sa-saorang dalam zaman pembangunan sekarang ini.

Ada dua perkara penting yang di-kehendaki dari pemimpin2 belia itu supaya menghadapi buah2 fikiran dan pertanyaan2. Kedua2 perkara itu ia-lah Pentadbiran Negara dan hal-ehwal keselamatan raayat dan negara. Dari kedua2 cheramah itu ada-lah di-alu2kan supaya buah2 fikiran akan dapat di-berikan dan menghadapi sa-barang pertanyaan atas perkara2 yang kurang di-fahami.

Dari masaalah ini, sa-chara tidak langsung telah dapat dilihat betapa pemimpin2 belia itu di-undang untuk memikirkan bersama2 akan masaalah2 negara. Ini suatu penghormatan yang patut benar di-junjung tinggi, malah memang wajar dari sekarang di-nampakkan dengan chara yang lebih luas lagi dalam hubungan kerjasama yang di-perlukan dan bersesuaian untuk di-sumbangkan kepada negara.

Dalam menyumbangkan fikiran2 dan pertanyaan2 itu ada-lah jelas yang pemimpin2 belia itu tidak di-kenakan apa2 jua sekatan bilamana beliau memelawa mereka menghadapi buah2 fikiran itu dengan tidak "beinggan2" yang dalam maksud-nya yang luas ia-lah meluahkan apa yang terlintas dalam fikiran.

Namun demikian, sa-bagai sifat pemimpin pula ada-lah tidak sesuai jika perkataan "tidak beinggan2" itu di-gunakan sa-bagai satu kesempatan yang boleh melenyapkan kewarasan sifat pemimpin. Kita yakin yang perkataan Brunei itu di-gunakan ada-lah untuk meminita pemimpin2 belia itu "mengurapakan" perkara2 yang dapat di-jadikan "tungkai" bagi menguatkan mana2 "penyuchok" yang "melantar" atau "lambut". Dengan yang demikian lantai yang kita "ju-nyak" akan menjadi "tagap" dan akan menseisakan kita ketika mengator langkah di-atas-nya.



Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar, salah sa-orang pengasas dan juga menjadi pengarah Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu, Setia.



Pemandangan di-steshen menjual minyak kepunyaan Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu yang terletak di-Lot 3415, Jalan Bunga Kuning, Setia.



Sa-orang pekerja wanita ketika melayani sa-buah kereta di-steshen itu.

MINYAK petrol ada-lah sumber tenaga yang utama bagi perjalanan jentera. Kebetulan pula galian ini terdapat di-negeri kita sendiri yang menjadi sumber kekayaan bagi Negeri Brunei Darussalam. Di-mana2 bahagian di-negeri kita ini terdapat steshen2 menjual minyak petrol. Dengan bertambah-nya bilangan kereta2 maka keperluan minyak petrol juga turut bertambah. Dan sa-laras dengan itu juga steshen2 menjual minyak kian bertambah dari sa-hari ka-sahari.

Dulu-nya, perusahaan menjual minyak petrol ini kebanyakannya di-usahakan oleh orang2 bukan Melayu tetapi sekarang orang2 Melayu juga sudah banyak yang menaruh minat untuk mencheburkan diri dalam bidang penjualan minyak petrol ini. Di-Seria, pusat pengeluaran minyak bagi Negeri Brunei, terdapat sa-buah sharikat menjual minyak petrol kepunyaan orang2 Melayu, ia-itu Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu yang terletak di-Lot 3415, Jalan Bunga Kuning, Setia.

Salah sa-orang pengasas-nya, Pengiran Md. Yusof bin Pg. Abu Bakar yang juga menjadi pengarah-nya telah menegaskan bahawa tujuan utama sharikat ini di-tubuhkan ia-lah untuk menggalakkan ahli2 sharikat ini berkecimpung dalam bidang perniagaan dan perusahaan, ia-itu untuk menyahut sa-bahagian daripada seruan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sa-bagaimana kita telah sama2 maklumi untuk bergiat dalam bidang perusahaan dan perniagaan yang terutama sekali di-tujukan kepada raayat Brunei ini sendiri.

Maka dengan tujuan ini-lah tertubuh-nya Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu, Setia pada 23hb. September, 1968. Antara pengasas2-nya ia-lah Pg. Md. Yusof bin Pg. Abu Bakar sendiri dan beberapa orang lain lagi seperti Awang Ibrahim bin Hj. Abd. Ghani, Awang Haji Abdul Ghani bin Hassan, Awang Haji Rahim bin Md. Jaafar, Awang Sulaiman bin Awang Damit, Awang Hussin bin Isa, Pg. Saleh bin Pg. Mohammad, Pg. Md. Yusoff bin Pg. Besar, Awang Hj. Bakar bin Mah-mud, Awang Haji Hussaini, Awang Hassan bin Hassip dan Awang Yusoff bin Hj. Metas-sim serta beberapa orang jawatankuasa kecil. Hingga sekarang sharikat ini mempunyai lebih kurang 171 orang ahli.

Untuk membolehkan sharikat ini di-tubuhkan, ahli2 jawatankuasa telah dapat mengumpul wang sa-banyak ahli2 sharikat ini sa-banyak lebih kurang \$200,000.00 untuk di-jadikan modal. Ketok di-jadikan modal ini dudokan kewangan sharikat ini sejak ia di-tubuhkan pada em-sejak ia di-tubuhkan pada em-pat tahun yang lalu sa-makin pat tahun yang lalu sa-makin baik dan pada tiap2 tahun ahli2 sharikat ini menerima keuntungan menurut kadar pembahagian saham masing2.

Tentang masaalah2 yang di-hadapi oleh sharikat ini pada mula ia-nya di-tubuhkan, Pg. Md. Yusof berkata "masaalah ini saya percayai ada-lah masaalah biasa yang di-alang-persoalkan terutama di-kalangan an masharakat kita, bagaimana-kawangan chara bagaimanakah hendak mendapatkan wang sa-banyak \$200,000.00 itu, jadi dengan ikhtiar dan

SHARIKAT PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU YANG JUGA AKTIF DALAM GERAKAN2 KEBAJIKAN

HASIL TINJAUAN:

AWANG ALIDDIN OTHMAN

usaha ahli2 jawatankuasa pada waktu itu, dan dengan berkat keyakinan dan keazaman ahli2 saham dapat-lah juga menumpukan wang sa-banyak \$200,000.00 itu sa-bagai yang di-maksudkan. Tidak kurang juga pada waktu itu kami banyak menerima kritik2 terutama sekali daripada orang yang memang sengahja, seperti kata pepatah, limpar batu sembunyi tangan atau satengah2-nya melepaskan batok di-tangga dengan kritik2 yang tidak sehat. Bagaimana-pun dengan berkat kerjasama, keazaman dan keyakinan jawatankuasa pada waktu itu kritik2 itu telah di-hadapi dan dapat di-atasi dan pada masa sekarang masaalah ini tidak lagi timbul bahkan sharikat ini berjalan dengan baik dan nampak-nya masaalah2 yang di-hadapi itu tadi tertutup dengan sendiri-nya.

Pekerja2 ini bekerja sa-tiap hari walau-pun di-masa hari2 kelepaan awam. Tetapi pada hari2 kelepaan awam mereka di-beri keistimewaan dengan mendapat bayaran yang di-lipatgandakan atau "double pay".

Sharikat ini sa-bagai wakil kapada Shell Marketing Company membekalkan minyak petrol, M-oil kepada orang ramai dan juga kepada Jabatan Bandaran, Kuala Belait, sharikat2 kecil, sharikat2 pembinaan dan lain2 lagi. Sharikat ini juga mengendalikan kerja2 servicing kereta.

Sa-lain daripada menumpukan perusahaan dalam bidang penjualan minyak dan servicing kereta, sharikat ini juga bergiat dalam hal2 kebajikan orang2 Melayu di-Seria. Ini memang-lah menjadi tujuan dan chita2 ahli2 sharikat perniagaan dan perusahaan Melayu Setia mengambil inisiatif bergiat dalam lapangan kebajikan dan membelanjakan sedikit wang terutama sekali memberikan derma dalam bahagian iklan atau chendermata sekolah2 dan bersedekah mengambil sa-malam berbelanja dalam bertadarus dalam bulan puasa dan lain2 lagi jika sekiranya di-kehendaki sa-lain daripada menggalakkan ahli2 sharikat bergiat dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Dan satu lagi langkah penting yang akan di-lakukan oleh sharikat ini ia-lah untuk menyamut seruan Setia Usaha Agong Jawatankuasa Kerja Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri. Mengenai hal ini Pg. Md. Yusof menegaskan, "Sava rasa ada kemungkinan sharikat ini juga akan ikut sama2 memberikan sumbangan atau derma bakti sa-dapat yang di-fikirkan kelak."

— ★ —

Sharikat ini memulakan perniagaan harian-nya pada jam 6.30 pagi sa-hingga 8.30 malam. Jumlah kereta yang datang membeli minyak sa-tiap hari di-steshen kepunyaan sharikat ini boleh di-katakan tidak kurang dari 200 buah. Pendapatan sharikat jika di-kira wang tunai sahaja di-anegarkan t'dak kurang dari \$1,000/1,400 dan ada pernah sharikat ini memperoleh \$1,600/1,700 sa-hari, ia-itu terpalung kapada keadaan pelanggan2.

Buat masa ini belum ada rancangan lain untuk membesarkan Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu Setia ini. Bagaimanapun pada masa hadapan ada kemungkinan sharikat ini akan di-perbesarkan jika sekiranya masa mengizinkan dan kedudukan kewangan bertambah baik.

Akhir sekali Pg. Md. Yusof telah mengutarakan beberapa faktor penting terutama sekali bagi orang Melayu yang ingin bergiat dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Beliau berkata ada-lah menjadi keyakinan pada diri saya bahawa "faktor2 yang penting dalam soal ini ia-lah pertama sekali sa-bagaimana kita telah maklum bahawa dunia perniagaan dan perusahaan sekarang ini semakin menuju ke arah matalamat kemajuan. Tapi kita di-Brunei yang baru saja hendak mengorak langkah dalam bidang perusahaan dan perniagaan, saputut-nya hendak-lah mempunyai sifat2 terutama sekali jangan malu atau segan tabah dalam menghadapi perusahaan dan kemungkinan juga mesti-lah mempunyai sedikit modal dan sa-lain daripada itu harus-lah bersifat sabar dan berusaha. Andai-nya sekali kita gagal dalam lapangan ini hendak-lah kita teruskan."

Salah sa-orang pekerja wanita sedang melayani pelanggan yang berkehendakan minyak petrol.



Dua orang pekerja wanita Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu ketika menjalankan tugas di-steshen menjual minyak petrol itu.



Sa-lain daripada menjual minyak petrol, steshen itu juga mengendalikan bengkel untuk memelihara kereta atau "servicing". Gambar atas menunjukkan pekerja2 di-steshen itu ketika menjalankan tugas mereka.



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 118/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Silim bin Timor, Askar Melayu Diraja Brunei, Berakas Kem, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamat bin Timor yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati..

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut.

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 119/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Miramit bin Munap, Kampung Menunggol, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awg. Munap bin Matusin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 120/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lee Tin King, No. 18, Kampung Kilanas, Batu 7, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lee Ching Kee yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-

lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 121/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salmah bte. Jerudin, Kampung Baung Putat, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamit bin Ajak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 122/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Mohd. Tahir bin Hj. Sidek @ Awg. Mohd. Taha bin Sidek, No. 9, Jalan Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sa'adiah bte. Sulaiman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 123/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kahar bin Simpul, Kampung Parit Pkl Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Laminah bte. Besar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam

harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 124/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Latib bin Awg. Sulaiman, Kampung Sultan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sulaiman bin Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 125/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Mariam binte Awang Besar, No. 762, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abdul Ghani bin Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut

Bertarikh 25 hari-bulan Nobember, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

SURAT KUASA PESAKA

No. 50/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Adul anak Langga, d/a Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat

Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mattahir bin Langa yang telah meninggal dunia di-dalam Limbang, Sarawak, Malaysia dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek perempuan kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 5 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 51/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ibrahim bin Mohamad, Lot No. 3871, Batu 2½, Jalan Seria/Belait, Kuala Belait Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohamad bin Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Temburong, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 5 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 hari-bulan Nobember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 52/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Suhaili bin Putit, Process & Refining Dept., B.S.P. Co., Ltd., Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Malikan binte Manang yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 5 hari-bulan Disember, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 hari-bulan Nobember, 1972.

KENYATAAN KENYATAAN DAN JAWATAN2 KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI IMIGERESSEN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris

dan Darjah IV Melayu.
b) Chalon2 yang di-lantik mesti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3

EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji Permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Disember, 1972.

Sa-bagai Operetor Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Operetor Tingkat II (Talipon) di-Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei.

Kelayakan2:

- a) Mesti-lah lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu;
b) Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang boleh berbahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 — \$220x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 20hb. Disember, 1972.

Sa-bagai

Penterjemah Di-D.B.P.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan yang sa-banding dengan-nya;
(b) Boleh menterjemah dari bahasa Melayu/Inggeris dan Inggeris/Melayu; dan
(c) Berpengalaman dalam kerja2 penterjemahan sa-kurang2-nya sa-lama tiga tahun.

Mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman yang tersebut di-atas tidak perlu memohon.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 kepada-nya tidak lewat dari tidak lewat dari 27hb. Disember, 1972.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith Negeri Brunei

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,

ADMINISTRATION SUIT

No. 53 of 1972.

Application to this Court having been made by Lee Ken of Lot No. 2151, Kampong China, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Ten An late of Labi, Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 5th day of December, 1972, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 22nd day of November, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 54 of 1972.

Application to this Court having been made by Yan Sou Fan of Lot No. 2871, Jalan Lubok Palam, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Leong Pak Kuan @ Leong Heng late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby give that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 5th

day of December, 1972, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any persons wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 22nd day of November, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 55 of 1972.

Application to this Court having been made by Yong Yuat Hoe @ Yong Keck Hiong of Lot No. 287, Kampong China, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chan Seng @ Chan Ah Asin late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is adopted daughter of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 5th day of December, 1972, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 22nd day of November, 1972.

MD. ALI BIN DAUD,
Tim. Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



\$50,000 dari B.S.P. untuk Tabong Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Derma Pembinaan Stadium telah menerima sa-keping cek yang bernilai \$50,000.00 dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad untuk derma bagi Tabong Pembinaan Stadium.

Derma itu telah di-sampaikan oleh wakil Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Pehin Dato Derma Setia, Dato Setia Awang P.A. Coates dalam satu majlis ringkas yang telah di-adakan di-Pejabat Yang Teramat Berhormat Pehin Dato Isa.

Wang derma tersebut adalah sa-bagai pendahuluan dari Sharikat Minyak itu. Sementara itu, Sharikat Minyak Shell juga akan berikhtiar untuk memberi bantuan sama ada sa-chara wang atau mata-benda bagi pelaksanaan projek tersebut.

Yang Teramat Berhormat Pehin Dato Isa telah mengucapkan berbilang2 terima kasih atas sumbangan derma dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan berharap akan lebih banyak lagi Sharikat2 Perniagaan dan firma2 di-negeri ini akan menyumbangkan derma seperti itu demi untuk melaksanakan projek tersebut.

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ia-lah sa-buah Sharikat yang pertama kali sa-takat ini menderma dengan jumlah sa-banyak itu.

Derma dari Kelab KBRC

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar buat pertama kali-nya telah menerima sa-keping cek bernilai \$1,000.00 dari Kelab KBRC, Kuala Belait untuk derma Pembinaan Stadium sa-telah kempen mengutip derma di-daerah itu di-lancarkan pada hari Isnin.

Cek tersebut telah di-serahkan oleh Yang Di-Pertua Kelab itu, Awang Chua Kong Soo di-Pejabat Pegawai Daerah itu pagi kelaarini.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Pembinaan Stadium di-daerah itu mengucapkan terima kasih kepada kelab tersebut atas sumbangan yang ikhlas itu.

Yang Amat Mulia itu berharap akan lebih banyak lagi Sharikat2 Perniagaan, Persatuan2 dan orang2



PEMANGKU Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin ketika bersabda sa-belum merasmikan Majlis Perbincangan Pemimpin2 Belia yang telah berlangsung di-Pusat Belia pada hari Jumaat lepas.

PENGARAH PERTANIAN YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang R.B. Woodroffe telah memulakan perkhidmatan-nya sa-bagai Pengarah Pertanian Brunei yang baru pada 29hb. Nobember yang lalu.

Awang R.B. Woodroffe berusia 44 tahun menggantikan Awang K.G. Malet yang telah habis tempoh perkhidmatan-nya lebeh empat tahun sa-bagai Pengarah Pertanian Brunei.

Semasa Awang K.G. Malet meninggalkan Brunei sa-telah habis tempoh perkhidmatan-nya, Awang B.R. Hewitt, Pegawai Pertanian telah memangku Jawatan tersebut sa-hingga Pengarah Pertanian yang baru itu tiba.

Sementara itu, Awang Ya'akob bin Ahmad, sa-orang Pegawai Pentadbir di-Pejabat Setiausaha Kerajaan telah di-lantik sa-bagai Timbalan Pengawal Imigresen Brunei mulai 1hb. Disember ini.

Jawatan Timbalan Pengawal Imigresen telah kosong sejak bulan Mei tahun ini apabila Dato Paduka Awang Matnor MacAfee yang memegang jawatan itu telah di-lantik sa-bagai Pemangku Setiausaha Kerajaan pada 15hb. Mei tahun ini.

Sukarela pasang slip batu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh 200 orang Pegawai dan kaki-tangan dari Jabatan Lembaga Bandaran, B. S. Begawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka akan bekerja sa-chara suka rela untuk memasang slip batu di-sepanjang tepi jalan, dari Istana Darul Hana hingga ka-Jambatan Edinburgh sa-jauh lebeh satu batu.

Kerja2 memasang slip itu akan di-adakan sa-lama dua hari ia-itu pada hari Jumaat ini, 8hb. Disember dan hari Ahad 10hb. Disember mulai jam 7.30 pagi.

Kerja2 memasang slip itu diambil oleh dua buah Jabatan tersebut dari pemborong tempatan yang pada mula-nya akan membuat kerja2 itu dan wang dari perbelanjaan-nya akan di-potong untuk di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Kerja2 memasang slip batu itu akan di-ketuai oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato (Dr.) Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri.

Kerja2 meletakkan slip di-sepanjang jalan itu apabila siap nanti akan memudahkan pengguna2 yang berjalan kaki.

Faedah dari cheramah hanya tercapai dgn. ada-nya "pemisian"

(Dari muka 1)

dan mahu memahami terhadap sa-suatu identiti atau tegas-nya keadaan2 kita, kebudayaan kita, chara2 hidup yang turun temurun kita saja yang akan dapat menimbulkan perasaan cinta dan sayang kepada bangsa, negara dan Raja yang berdaulat yang di-turun temurunkan di-negeri ini", sabda beliau.

Bersabda mengenai majlis perbincangan pemimpin2 belia itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara per-chaya yang pemimpin2 belia itu menghadapkan buah2 fikiran dan pertanyaan2 untuk feadah2 menguatkan lagi pendirian yang taat setia kepada bangsa dan negara yang mempunyai Raja yang berdaulat.

Beliau juga yakin bahawa faedah2 dari cheramah2 dalam majlis itu hanya akan dapat di-chapai atau, di-terima nekat-nya jika pemimpin2 belia itu sentiasa "memisi, melutani" meneliti, mengun-jar dan menapis segala apa yang di-cheramahkan.

Beliau mengharapkan supaya tujuan2 atau isi cheramah2 dalam majlis itu di-gunakan sa-bagai satu alat pada menghadapi belia2 di-bawah pimpinan mereka dengan matalamat asas supaya belia2 itu akan sentiasa memperkuat dan memperkukuhkan pendirian yang tegas terhadap bangsa dan negara-nya dan ketaatan yang tunggal kepada Raja.

Mengenai dengan cheramah2 itu pula, beliau mensifatkan-nya sa-bagai suatu langkah kecil untuk mengenalkan lagi chorak2 pentadbiran dan hal-ehwal keselamatan dengan harapan belia2 di-negeri ini, melalui peserta2 majlis selaku pemimpin2 belia, akan dapat lagi memahami perkara2 itu pada menghampirkan rasa hati masing2 terhadap sistem2 yang di-jalankan di-negeri ini.

"Kita akan sama2 berusaha dan beraktabiti untuk mengujudkan, mempertahankan serta memperagongkan suatu masyarakat Brunei yang mempunyai belia2 yang penoh berdisiplin, dainamik pada pimpinan dan bertanggung-jawab pada menghadapi chabaran2 peralehan zaman serta menggunakan sifat2 itu bagi memperkukuhkan lagi masyarakat tunggal Brunei Darussalam yang terchinta ini", demikian sabda beliau.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**